

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21/12/2018

PM terima kunjungan hormat Menteri Luar Korea Selatan

Putrajaya: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam, menerima kunjungan hormat Menteri Luar Korea Selatan, Kang Kyung-wha di pejabat beliau, di sini.

"Kami membincangkan penguat hubungan diplomatik enam dekad Malaysia dan Korea Selatan menjelang tahun 2020 serta perluasan Dasar Pandang ke Timur yang memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan, selain teknologi digital," kata beliau menerusi mesej Twitter.

Dr Mahathir turut berkongsi empat foto pertemuan beliau dengan anggota delegasi dari Korea Selatan itu.

Yang turut hadir, Menteri Luar,

Datuk Saifuddin Abdullah. Kyung-wha dan delegasi beliau melakukan lawatan kerja dua hari ke Malaysia.

Lawatan pertama

Ini lawatan pertama Kyung-wha ke Malaysia sejak pelantikannya sebagai Menteri Luar Korea Selatan pada 18 Jun 2017.

Sementara itu, Saifuddin dalam pertemuannya dengan Kyung-wha di Wisma Putra sebelum itu berkata, Presiden Korea Selatan, Moon Jae-in dijangka melawat Malaysia pada Mac tahun depan.

"Antara lain kami membincangkan lawatan Moon Jae-in ke Malaysia pada suku pertama 2019, mungkin pada Mac," katanya.

Saifuddin berkata, beberapa memorandum perséfahaman dijangka ditandatangani ketika lawatan Moon Jae-in.

Pada pertemuan sejam itu, Saifuddin berkata, bidang baharu kerjasama terutama dalam teknologi dan pendidikan turut dibincang.

"Kami mahu meningkatkan inovasi kerana akan mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0, selain membincangkan program pertukaran pelajar serta akademik," katanya sambil menambah perkara penting Malaysia ingin belajar dari Korea Selatan adalah disiplin.

Korea Selatan adalah rakan perdagangan kelapan terbesar di dunia dan pelabur asing ke-13 terbesar pada 2017.

BERNAMA

[FOTO IHSAN CHEDET OFFICIAL TWITTER]



Dr Mahathir mengadakan perbincangan ketika menerima kunjungan hormat Kyung-wha (tengah) di Putrajaya, semalam.

BH - 21/12/2018 m/s: 2